

## jejak graduan



Dr Liyana (belakang, kanan) dengan rakan ketika menyertai program bersama masyarakat di Sandakan.



Dr Liyana (tengah) meraikan kegembiraan hari graduasi bersama-sama rakan di kampus.

# 'Segala penat lelah terubat'

## info

### Dr Liyana Zainal Abidin

→ Umur: 29 tahun  
 → Tarikh lahir: 17 April 1987  
 → Tempat lahir: Kuala Lumpur  
 → Kedudukan dalam keluarga: Anak kedua daripada empat adik-beradik  
 → Kelulusan: Ijazah Sarjana Muda Perubatan, UPM

Oleh Nor Azma Laila  
 norazma@bh.com.my

#### ► Kuala Lumpur

**H**ubungan rapat dengan adik saudara yang menghidap autisme, selain faktor minat, mendorong Dr Liyana Zainal Abidin, 29, tekad mendalami ilmu perubatan walaupun menyedari cabaran bidang pengajian itu bukanlah calang-calang.

Setelah bekerja keras selama lima tahun, beliau bersyukur kerana segala penat lelah sepanjang bergelar mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) terubat apabila berjaya menggenggam Ijazah Sarjana Muda Perubatan

dan kini berbakti kepada masyarakat sebagai doktor.

"Untuk bergelar doktor, pelajar perubatan perlu menjalani housemanship selama dua tahun.

"Dalam tempoh berkenaan, kurang tidur dan tekanan beban kerja sudah menjadi perkara biasa tetapi pengalaman housemanship itulah yang mendidik saya menjadi seorang doktor lebih baik pada hari ini," katanya.

#### Sertai misi bantuan

Sebagai mahasiswa ketika itu, beliau tidak ketinggalan menyertai pelbagai program kesihatan pada peringkat universiti dan komuniti, termasuk misi bantuan banjir di Pagoh, Johor.

"Saya bersama-sama rakan juga pernah ke Sandakan,



Gembira menggenggam Ijazah Sarjana Muda Perubatan pada hari konvokesyen.

Sabah, selama enam minggu untuk penempatan pilihan dan menyertai pasukan Hospital Sandakan secara sukarela ke Centre of Borneo bagi memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di sana.

"Perjalanan ke lokasi itu yang memakan masa hingga empat jam dengan menaiki pacuan empat roda dan melalui jalan tanah merah, terpahat sebagai pengalaman tidak dapat dilupakan," katanya.

#### Beri khidmat terbaik

Pengalaman pahit manis sewaktu mengikuti pengajian secara langsung banyak membantu Dr Liyana berdepan segenap lapisan masyarakat dalam pelbagai situasi.

Masih segar dalam inga-

tan pengalaman bertugas sebagai pegawai perubatan di Klinik Kesihatan Jenaka 2, Pahang yang menyaksikan beliau berurusan dengan pesakit Orang Asli.

"Saya perlu berkunjung ke kampung mereka untuk melawat pesakit. Tugas itu adalah pengalaman berharga tidak akan saya lupakan dalam usaha memberi khidmat terbaik kepada semua lapisan masyarakat," katanya.

Dr Liyana yang kini berkhidmat di Klinik Ibu dan Anak, Klinik Kesihatan Maran, Pahang, komited memanfaatkan sebaik mungkin ilmu pengetahuan serta pendedahan diraih selama ini, selain berhasrat melanjutkan pelajaran untuk menjadi Pakar Perubatan Keluarga.



Dr Liyana (duduk di barisan meja, kanan) ketika mengikuti pengajian di UPM.



Ceria di sisi suami tercinta, Dr Khairul Hafid Alkhair Khairul Amin.